



## SIARAN MEDIA

### KPKT SERAH KUNCI RUMAH KEPADA 18 MANGSA LETUPAN GAS PUTRA HEIGHTS

---

**SHAH ALAM, 4 Disember 2025** – Seramai 18 keluarga mangsa insiden kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya, Selangor pada 1 April 2025 kini boleh menarik nafas lega apabila kediaman mereka di Kampung Kuala Sungai Baru telah **siap dibaik pulih dan dibina semula sepenuhnya**.

Inisiatif pemulihan ini membuktikan **komitmen Kerajaan MADANI** serta tindakan pantas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk terjejas terus terjamin.

**Majlis Penyerahan Kunci kepada keluarga mangsa kebakaran** telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) di Tapak No 8, Projek Kg. Kuala Sungai Baru, Putra Heights hari ini sebagai sebahagian daripada Program Sentuhan Kejayaan KPKT 2025. SPNB telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi kerja baik pulih dan bina baharu 18 unit rumah tersebut, membabitkan peruntukan keseluruhan **RM4.85 juta**.

Projek ini menyerlahkan pendekatan pantas dan berkesan Kerajaan MADANI. Langkah pemulihan **bermula dengan Sidang Media Khas pada 30 April 2025**, diikuti **surat lantikan rasmi KPKT kepada SPNB pada 7 Mei 2025**, sebelum **kerja-kerja pembinaan dimulakan pada 3 Jun 2025**. Kecekapan pelaksanaan ini amat penting bagi memastikan mangsa dapat kembali ke kediaman yang selamat, stabil dan selesa dalam tempoh yang singkat.

Dalam ucapannya, YB KM merakamkan penghargaan kepada SPNB atas pelaksanaan projek yang cekap serta menegaskan komitmen kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

## PELANCARAN APLIKASI MyRMR DAN PENCAPAIAN PROGRAM RMR

Dalam majlis yang sama, YB KM turut mengumumkan pencapaian cemerlang **Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)** yang dilaksanakan oleh SPNB. Majlis tersebut menyaksikan Pelancaran Aplikasi **MyRMR**, sebuah inisiatif digital baharu yang mengandungi dua (2) modul utama (Pemohon dan Pegawai SPNB) bagi memudahkan proses permohonan, pemantauan dan pengurusan Program RMR secara lebih efisien.

YB KM turut memaklumkan bahawa SPNB telah berjaya **melepassi sasaran asal pembinaan 23,000 unit RMR bagi tahun 2025**, dengan peruntukan **RM1.92 bilion**. Kerajaan MADANI kemudiannya menambah peruntukan kepada **RM2.13 bilion bagi membina 26,272 unit RMR** demi menampung keperluan perumahan rakyat berpendapatan rendah. Sehingga **Oktober 2025, sebanyak 74,957 unit RMR telah berjaya disiapkan** di seluruh negara.

Kejayaan menyiapkan kerja pemulihan rumah bagi mangsa kebakaran Putra Heights serta pencapaian memberangsangkan Program RMR membuktikan komitmen berterusan KPKT dan SPNB dalam memperkukuh agenda perumahan negara. SPNB akan terus memastikan penyediaan perumahan berkualiti dan mampu milik diberikan keutamaan demi memastikan setiap keluarga menikmati kehidupan yang lebih sejahtera dan selamat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity  
#RancakkanMADANI

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

**Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

**b.p. Ketua Setiausaha**

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)**

